

26/05/2000

Spekulasi peletakan jawatan wajar dihenti

KUALA LUMPUR, Khamis - Orang ramai diminta berhenti mengulas dan membuat sebarang spekulasi mengenai hasrat Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan.

Naib Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata setakat ini sudah banyak yang diperkatakan oleh Dr Ling dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai sebab tindakannya itu, selain komen oleh pelbagai pihak.

Katanya, beliau bimbang jika lebih banyak ulasan dibuat akan lebih banyak perkara yang terkeluar daripada yang sudah dikatakan Dr Ling dan Perdana Menteri, ia akan mengganggu fikiran Dr Ling.

"Kita hormatilah apa yang sudah dikatakan oleh pemimpin kita. Kita juga sepatutnya cuba memahami perasaan serta keadaan yang sedang dilalui Dr Ling.

"Cukuplah... dan jangan kita bebankan Dr Ling dengan cuba menokok tambah sesuatu perkara yang sudah diperkatakan Dr Ling dan Perdana Menteri.

"Kita sepatutnya memberi masa kepada beliau untuk menenangkan diri sebelum membuat keputusan muktamad ketika bercuti ini," katanya ketika diminta mengulas mengenai isu peletakan jawatan Dr Ling sebagai Menteri Pengangkutan.

Beliau yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata demikian selepas merasmikan pameran Metaltech Malaysia 2000 (MTM 2000) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Dalam majlis yang berlainan, Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng pula menyambut baik keputusan Dr Ling untuk bercuti bagi memikirkan semula tindakannya itu.

Katanya, sebagai Presiden parti, barisan pemimpin dan ahli MCA masih mahukan Dr Ling terus memberikan khidmat sebagai Menteri Pengangkutan.

"Cuti ini akan memberikan masa untuk Dr Ling memikirkan semula mengenai diri, keluarga dan parti sebelum membuat keputusan muktamad untuk meletakkan jawatan menteri," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, meminta Dr Ling melupakan hasratnya untuk meletak jawatan daripada Kabinet.

Tan yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, berkata semua pihak masih memerlukan khidmat Dr Ling sama ada untuk parti atau kerajaan.

"Saya harap beliau akan menarik balik keputusan itu selepas bercuti selama dua minggu nanti kerana kita semua mahu dia kembali," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Bintai Kinden Corporation Bhd dengan tiga syarikat berteraskan teknologi maklumat di Kuala Lumpur, semalam.

(END)